

**LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK**

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Insurans Kemalangan Diri ini. Pastikan anda juga membaca terma am dan syarat.

**Multi Drive Protector****1. Mengenai apakah produk ini?**

Produk ini menyediakan pampasan dan pembayaran ganti kepada pemandu dan penumpang sekiranya berlaku kecederaan hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan semasa memasuki, menunggang atau turun daripada kenderaan penumpang persendirian.

**2. Apakah perlindungan / faedah yang disediakan?**

Produk ini melindungi:

1. Kematian
2. Hilang Upaya Kekal
3. Perbelanjaan Perubatan

Sila rujuk kepada Skala Pampasan bagi Kematian dan hilang upaya kekal dalam kontrak polisi.

**3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?**

<b>Pelan</b>	<b>Jumlah Diinsuranskan</b>	<b>Premium (Pemandu + 4 penumpang)</b>	<b>Setiap penumpang tambahan</b>
MDP1	RM 15,000	RM 58.00	RM 8.00
MDP2	RM 30,000	RM 118.00	RM 16.00
MDP3	RM 45,000	RM 178.00	RM 24.00
MDP4	RM 60,000	RM 238.00	RM 32.00

**4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?**

<b>Selain premium, anda perlu membayar:</b>	<b>Jumlah</b>
a. Cukai Brangan & Perkhidmatan	6% daripada premium
b. Duti setem	RM 10.00

Premium yang anda perlu bayar termasuk komisen yang dibayar kepada pengantara, jika ada, berjumlah 25% daripada premium.

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Insurans Kemalangan Diri ini. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat.

### 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus tahu?

- **Kewajipan pendedahan:**

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini. Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini, anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan ini tidak tepat atau telah berubah.

Anda mestilah mematuhi dan memenuhi Terma, Syarat, Pengendorsan, Fasal atau Polisi Waranti.

- **Kapasiti Tempat Duduk:** Bilangan Orang yang Diinsuranskan adalah berdasarkan kepada jumlah tempat duduk seperti yang dinyatakan di dalam kad pendaftaran kenderaan anda. Jika jumlah sebenar penumpang melebihi bilangan Orang yang Diinsuranskan oleh polisi, had liabiliti bagi setiap orang hendaklah dikurangkan mengikut kadar.
- **Tunai Sebelum Perlindungan:** Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau ejen yang diberi kuasa oleh kami sebelum tarikh polisi berkuat kuasa.
- **Had Umur:** Anda sebagai pemilik kenderaan swasta yang berumur antara 21 tahun hingga 65 tahun.
- **Penama:** Anda mesti menamakan penama dan untuk memastikan bahawa penama anda sedar polisi kemalangan peribadi.
- **Tuntutan:** Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan semua maklumat dan dokumen sokongan kepada kami dan memberi kerjasama kepada kami dalam mengakses tuntutan anda.
- **Cukai Barang & Perkhidmatan Malaysia:** Anda bersetuju untuk membayar kami apa-apa cukai atau caj kerajaan yang dikenakan oleh kerajaan dengan pelaksanaan atau penyerahan polisi ini.

**NOTA:** Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.

### 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- Perlumbaan perhimpunan jalan, ujian kelajuan pacemaking digunakan berkaitan dengan perniagaan motor dan untuk disewa dan ganjaran.
- Pemandu yang tidak mempunyai lesen memandu yang sah atau tidak layak untuk memegang atau mendapatkan lesen memandu yang sah di bawah peraturan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.
- Kenderaan yang digunakan untuk membawa penumpang bagi tujuan ganjaran.
- Kecederaan diri sendiri atau cuba membunuh diri dengan sengaja, mendedahkan diri kepada kecederaan, menimbulkan serangan kehamilan atau melahirkan anak atau apa-apa kecacatan fizikal atau kelemahan yang wujud terlebih dahulu.
- Orang yang Diinsuranskan buat sementara atau tidak siaman atau fikiran yang tidak stabil, tidak kukuh atau di bawah pengaruh dadah atau minuman keras atau kerana hal kehilangan menguasai diri.
- Peperangan Serangan Tindakan Permusuhan Musuh, Perang Saudara, Revolusi Pemberontakan Kuasa Tentera atau Undang-undang Rampasan Kuasa Mempertahankan Diri.

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Insurans Kemalangan Diri ini. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat.

- Mana-mana tindakan keganasan.

**NOTA:** Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Bagaimanapun tidak akan ada apa-apa bayaran balik premium dengan premium yang dibayar untuk tempoh yang melebihi tarikh penamatan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Insurans kemalangan diri anda boleh merujuk kepada buku insurans info "Insurans Kemalangan Diri" yang boleh didapati dengan melayari [www.insuransinfo.com.my](http://www.insuransinfo.com.my)

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MPI Generali Insurans Berhad  
8th Floor, Menara Multi-Purpose  
Capital Square,  
8, Jalan Munshi Abdullah  
50100 Kuala Lumpur

Tel: 603-2034 9888  
Fax: 603-2694 5759  
Email: [generalenquiries@mpigenerali.com](mailto:generalenquiries@mpigenerali.com)

10. Lain-lain jenis insurans Kemalangan Peribadi yang sedia ada

- Kemalangan Diri Pemandu & Penumpang
- Multi Lucky PA
- The Gladiator

### NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN KEPADA SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN SEORANG PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU MENGENAI POLISI KEMALANGAN DIRI YANG ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam helaihan pendedahan ini adalah sah pada atau sehingga 15/07/2015.